

19 JUN 1999

AIDS-Setem

SETEM KENANGAN SEMPENA KONGRES AIDS

KUALA LUMPUR, 19 Jun (Bernama) -- Setem kenangan dan sampul surat hari pertama sempena Kongres AIDS Antarabangsa Ke-5 bagi AIDS di Asia dan Pacific (ICAAP) dilancarkan di sini hari ini.

Ketua Pengarah Pos Malaysia Nasaruddin Che Abu menyempurnakan pelancaran itu bagi menandakan setem kenangan dan sampul surat hari pertama dikeluarkan julung kali dalam lapan tahun sejarah ICAAP.

Setem dan sampul surat hari pertama itu boleh dibeli di semua pejabat pos.

Setem itu, berharga 30 sen, 50 sen dan RM1, tertera imej yang menyampaikan mesej penting mengenai AIDS.

Satu set tiga setem dipaparkan bersama, pada sampul surat hari pertama itu, menyampaikan dua makna penting khas -- sayang yang dilambangkan oleh bentuk hati dan prihatin iaitu logo dalam bentuk hati dengan reben merah.

Warna biru muda dan biru tua pada setem 30 sen membawa makna setiap orang mempunyai peranan untuk dimainkan bagi memeriksa wabak penyakit AIDS, manakala warna biru pada setem 50 sen menggambarkan kerjasama erat individu dalam menghadapi cabaran kesan negatif HIV/AIDS.

Warna putih pada setem RM1 menggambarkan alam sekitar yang bebas dan selamat daripada kesan negatif HIV/AIDS.

"Saya yakin setem kenangan ini dapat menyampaikan mesej yang berkesan," kata Pengerusi Yayasan AIDS Malaysia Marina Mahathir.

Kira-kira 3,000 perwakilan dijangka menghadiri ICAAP Ke-5 yang akan diadakan di Pusat Dagangan Dunia Putra pada 23-27 Okt, katanya pada persidangan berita selepas majlis pelancaran itu.

-- BERNAMA

MEO AHH RHM